

KONVENSYEN MAHASISWA

UNDANG-UNDANG SYARIAH KEBANGSAAN **(KAMPUS - 1)**

ANJURAN

MAHASISWA FAKULTI SYARIAH & KEHAKIMAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

DENGAN KERJASAMA
JABATAN HAL EHWAL KHAS
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

PENTADBIRAN FAKULTI SYARIAH & KEHAKIMAN
& BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR (KUIM)



KOLEJ UNIVERSITI
ISLAM MALAYSIA

PUSAT BELIA ANTARABANGSA, CHERAS
25 - 26 JANUARI 2003



JABATAN HAL EHWAL KHAS
KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

“MEMPERKASA MAHASISWA UNDANG-UNDANG SYARIAH DALAM KEPELBAGAIAN ILMU”

SUMBANGAN

Sekalung Penghargaan

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Urusetia penganjur iaitu Pelajar-pelajar Fakulti Syariah dan Kehakiman (FSK), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kerana berjaya menganjurkan Konvensyen Mahasiswa Undang-undang Syariah Kebangsaan yang julung-julung kalinya diadakan.

Usaha murni ini menunjukkan bahawa mahasiswa Pengajian Islam khususnya dalam disiplin Syariah mampu untuk turut sama menganjurkan pelbagai aktiviti pembangunan akademik.

Saya percaya usaha seperti ini akan dapat membolehkan mahasiswa Pengajian Syariah di seluruh institusi berinteraksi dan mengumpulkan maklumat melalui aturcara yang disediakan oleh pihak penganjur. Mahasiswa pada hari ini mestilah menyedari bahawa cabaran dunia tanpa sempadan menjadikan ruang lingkup kerjaya dan disiplin ilmu tidak terbatas.

Sehubungan itu, saya menyeru agar mahasiswa Pengajian Syariah ini turut sama mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan dengan teknologi maklumat seumpamanya sebagai persediaan sebelum memasuki alam kerjaya kelak.

Akhir kata, syabas dan selamat maju jaya saya ucapkan.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' NOH B. OMAR
Setiausaha Parlimen
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Seuntai Bicara

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan tahniah kepada pelajar Fakulti Syariah dan Kehakiman (FSK), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kerana berjaya menganjurkan Konvensyen Mahasiswa Undang-undang Syariah Kebangsaan yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh pihak FSK dengan kerjasama JHEK.

Sokongan daripada mahasiswa/i Kolej Agama Negeri dan Universiti di seluruh negara untuk menyertai konvensyen ini cukup mengembirakan saya. Ini menunjukkan bahawa kerjasama oleh semua mahasiswa telah membolehkan program ini dilaksanakan.

Cabaran mahasiswa pada hari ini berbeza dengan mahasiswa zaman dahulu. Sehubungan itu, mahasiswa Pengajian Syariah pada hari ini perlulah mempunyai kualiti melalui penguasaan ilmu dan kemahiran yang utuh bagi memastikan mereka mampu bersaing dengan rakan-rakan yang lain.

Justeru, saya amat berharap agar mahasiswa dapat menjadikan konvensyen ini sebagai tempat untuk mendapatkan maklumat dan sekaligus dapat mewujudkan suasana muhibbah di antara mahasiswa.

Akhir kata, saya mendoakan agar hasrat untuk menghasilkan graduan Syariah yang berkemahiran dan berkualiti akan tercapai.

Salam hormat.

PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR B. HJ. HUSIN
RektorKUIM



Sekapur Sirih

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh,

Mahasiswa Syariah adalah merupakan golongan yang memainkan peranan yang sangat signifikan di dalam masyarakat. Mereka juga merupakan penjana di dalam pembinaan sebuah masyarakat yang hebat dan dikagumi.

Mahasiswa Syariah perlu menjadi model sebagai generasi pelapis kepimpinan negara pada hari ini. Melalui penguasaan ilmu dan kemahiran dalam bidang Syariah mereka akan dapat membantu memberikan kualiti kepimpinan pada masa akan datang

Peranan mahasiswa perlu digembeling dengan sepenuhnya agar mahasiswa yang bakal lahir adalah mereka yang menyedari tanggungjawab mereka di dalam rangka usaha melahirkan Negara Islam yang dihormati dan disegani oleh seluruh dunia.

Oleh sebab itu, para mahasiswa syariah harus bekerjasama dalam usaha memperkasakan diri mereka dengan mendalami pelbagai bidang. Ini akan dapat melahirkan generasi mahasiswa yang mempunyai jatidiri dan sahsiah sepertimana yang dituntut oleh Islam.

Bagi pihak JHEK kami merasa amat gembira kerana dapat membantu menjayakan Konvensyen Mahasiswa Syariah yang julung-julung kali diadakan di Malaysia.

Sekian, syabas daripada kami.

DATO' ZAINAL ABIDIN ABD. KADIR

Ketua Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Khas



Seungkap Kata

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Noh b. Omar, kerana sudi menyempurnakan Upacara Perasmian Konvensyen Mahasiswa Undang-undang Syariah Kebangsaan anjuran Fakulti Syariah dan Kehakiman dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia (JHEK) ini.

Bagi warga FSK, saya amat berbangga kerana pihak pengurusan KUIM memberikan sokongan untuk menjayakan program seperti ini yang dapat memberikan peluang kepada semua mahasiswa Pengajian Syariah dari seluruh institusi berkumpul. Tujuan menagnjurkan konvensyen ini diharapkan dapat membawa perspektif baru kepada mahasiswa tentang kepentingan mengetahui pelbagai aspek berkaitan dengan undang-undang Syariah dan perkembangannya dalam pembangunan masyarakat masa kini.

Usaha menganjurkan konvensyen ini tidak akan berjaya sekiranya tanpa bantuan dan kerjasama erat daripada pihak JHEK yang membantu membiayai perbelanjaan sebahagian besar program ini.

Ahkir kata, saya berharap konvensyen ini akan dapat dimanfaatkan oleh para pelajar dengan sebaik mungkin. Segala usaha yang dijalankan bagi menjayakan program ini adalah amat dihargai.

Tahniah dan terima kasih.

PROF. DR. ABDUL SAMAT BIN MUSA

Dekan

Fakulti Syariah dan Kehakiman (FSK)



Aluan Pengarah

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Bagi pihak urusetia saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua peserta dari pelbagai Kolej Agama Negeri dan Universiti ke Konvensyen Mahasiswa Undang-undang Syariah Kebangsaan yang julung kalinya menghimpunkan mahasiswa Syariah.

Usaha menganjurkan konvensyen ini tidak akan berjaya sekiranya tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak sama ada yang memberikan bantuan dalam bentuk kewangan, material mahupun moral. Pihak saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga terutamanya kepada pihak pengurusan KUIM yang memberikan kepercayaan kepada kami untuk menganjurkan konvensyen ini di samping pihak Fakulti Syariah dan Kehakiman dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) KUIM.

Di kesempatan ini juga, pihak saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan (JHEK) yang banyak membantu membiayai sebahagian besar kos konvensyen ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada pihak Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Pusat Belia Antarabangsa, BTN dan semua yang menyokong kami. Terima kasih juga kepada semua ahli jawatankuasa program yang bertungkus lumus bagi menjayakan program ini.

Saya berharap konvensyen ini akan dapat dijadikan acara tradisi pada masa akan datang sebagai platform untuk mahasiswa Syariah berkumpul sekaligus menaikkan imej bidang ini selaras dengan perubahan semasa.

Sekian, terima kasih.

ABDUL BASITS B. HJ. MOHAMED MOKHTAR

Pengarah Program

Konvensyen Mahasiswa Undang-Undang Syariah



Pengenalan

Konvensyen ini diadakan adalah bertujuan untuk mengkaji dan memikirkan halatuju mahasiswa undang-undang Syariah di IPTA dan IPTS di seluruh negara dalam memilih kesesuaian bidang yang harus diambil sebagai subjek tambahan pengajian mereka, bagi menangani lambakan graduan yang menganggur dan untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan yang memenuhi permintaan masa kini terutamanya ke arah menghadapi era globalisasi.

Menyedari akan hakikat inilah, kami Mahasiswa Fakulti Syariah dan Kehakiman, Kolej Universiti Islam Malaysia menganjurkan Konvensyen Mahasiswa Undang-undang Syariah Kebangsaan untuk pertama kalinya, agar tema Konvensyen pada kali ini "*Memperkasa Mahasiswa Undanag-undang Syariah Dalam Kepelbagaian Ilmu*" dapat direalisasikan dengan jayanya.



Objektif

- Menyatukan mahasiswa undang-undang Syariah, di seluruh IPTA/S yang menawarkan pengajian syariah di IPTA/S mereka, untuk sama-sama bertukar tukar fikiran bagi memperkasa mahasiswa undang-undang Syariah di dalam kepelbagaian ilmu.
- Mengumpulkan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan para mahasiswa undang-undang Syariah untuk menentukan halatuju mereka apabila keluar dari institusi-institusi pengajian mereka kelak.
- Menyahut seruan kerajaan agar mahasiswa Pengajian Islam(Syariah) mengambil subjek tambahan untuk mendapatkan lebih peluang pekerjaan dan bagi menangani lambakan graduan Pengajian Islam (Syariah) yang menganggur.
- Menjana mahasiswa agar sentiasa bersedia dan memainkan peranan dalam menghadapi arus globalisasi yang akan melanda negara ini dan akan membinasakan keteguhan ummah terhadap pegangan Syariah Islamiah.
- Menjalinkan hubungan yang baik antara Mahasiswa Undang-undang Syariah di IPTA/S seluruh negara agar menjadi sebuah pasukan yang sentiasa bersatu menangani permasalahan-permasalahan syariah dan isu-isu yang berkaitan dengan bidang syariah.



Aturcara Majlis

Jumaat (24 Januari 2003)

- 8.30 mlm - Ketibaan peserta luar
Jamuan ringan
- 9.00 mlm - Taklimat program
- 11.00 mlm - Program ditangguhkan

Sabtu (25 Januari 2003)

- 8.00 pg - Sarapan pagi
- 8.30 pg - Pendaftaran peserta
- 9.00 pg - Majlis Perasmian
- ✓ Bacaan Doa
 - ✓ Ucapan Pengarah Program
Saudara Abdul Basits Mohamed Mokhtar
 - ✓ Ucapan Ketua Pengarah JHEK,
Y.Bhg. Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir
 - ✓ Ucapan Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM,
Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Mohd Noor
 - ✓ Ucapan perasmian oleh YB Dato' Noh Hj. Omar,
Setiausaha Parlimen Menteri di JPM
- 10.30 pg - Jamuan ringan
- 10.45 pg - Ucaptama oleh Y.H Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob,
Ketua Pengarah IKIM
- 12.30 tgh - Bengkel 1 – (Perbincangan kumpulan)
- 1.30 ptg - Makan tengahari & Solat Zohor



- 2.30 ptg - *Bicara Ilmiah*
Tajuk: Pelaksanaan Siasah Syariah di Malaysia : Suatu Penilaian.
- ✓ Prof. Madya Dr. Yusoff Hussain,
Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM
 - ✓ Dato' Ghazali Ahmad,
Panel Pemikir JHEK
 - ✓ Y.Bhg. Prof. Dr. Mahmood Zuhdi,
Pengarah Akademi Pengajian Islam, UM
 - ✓ Moderator : En. Abd Hamid Ismail,
Ketua Cawangan Pendidikan JHEK

4.30 ptg - Minum petang & solat Zohor

5.00 ptg - Bengkel II (Perbincangan kumpulan)

7.00 mlm - Makan malam & solat Maghrib dan Isyak

9.00 mlm - *Wacana Akademik*

Tajuk : Cabang dalam Pengajian Syariah : Kesesuaiannya Masa Kini.

- ✓ Prof. Dr. Abdul Samat Musa,
Dekan Fakulti Syariah dan Kehakiman
- ✓ Tn. Hj. Mustafa Kamal Hamdin
Naib Presiden Akademik KIPSAS
- ✓ YAA Dato' Sheikh Ghazali Hj. Abd Rahman
Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
- ✓ Moderator : En. Abdul Manan Ismail,
Pensyarah FSK

11.00 mlm - Jamuan ringan

11.30 mlm - Program ditangguhkan

26 Januari 2003 (Ahad)

8.00 pg - Sarapan pagi

8.30 pg - Peserta mengambil tempat

9.00 pg - *Dialog Kerjaya*

Tajuk : Halatuju Pelajar Pengajian Syariah dalam Kepelebagaian Bidang.

- ✓ Wakil Persatuan Peguam Syarie Malaysia
- ✓ Hajah Rohani Hj. Mohd Shahir Yayasan Asnita
- ✓ En. Muhammad Haizuan Rozali
Timb. Pendaftar HEP, KUIM
- ✓ Moderator : Sdr. Nisar Mohamad Ahmad
Presiden Majlis Perwakilan Pelajar



- 10.30 pg - Jamuan ringan
- 11.00 pg - Diskusi Panel
Tajuk : **Graduan Pengajian Syariah dan Sumbangan Terhadap Negara**
- ✓ Y.Bhg. Datuk Mustafa Taib, Ahli Pemikir JHEK
 - ✓ Y.Bhg. Datuk Nakhaie Ahmad, YDP YADIM
 - ✓ Dr. Abdul Rahman Awang, Pensyarah UIAM
 - ✓ Moderator : Us. Adenan Othman,
Ketua Cawangan Bina Ummah, JHEK
- 12.30 tgh - Sesi resolusi konvensyen
- 1.00 ptg - Makan tengahari & solat Zohor
- 2.30 ptg - Majlis Penutup
- ✓ Ucapan alu-aluan Pengarah Program,
Sdr. Abd Basits Hj. Mohamed Mokhtar
 - ✓ Ucapan Pengarah Operasi JHEK,
Y.Bhg. Tuan Hj. Amin Salleh
 - ✓ Ucapan Rektor KUIM,
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
 - ✓ Ucapan penutup oleh Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Abdul
Hamid Othman, Penasihat Agama Perdana Menteri
- 4.30 ptg - Minum petang & Solat Asar
- 5.00 ptg - Bersurai



JAWATANKUASA EKSEKUTIF

PENAUNG

Y.Bhg. Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir
Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Hj Abdul Shukor Hj. Husin
Rektor Kolej Universiti Islam Malaysia

PENASIHAT

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammadi Zin
Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan)

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias
Timbalan Rektor (HEP & Pembangunan)

Y.Bhg. Prof. Dr. Abdul Samat Musa
Dekan Fakulti Syariah dan Kehakiman

Tuan Hj. Amin Salleh
Ketua Pengarah Operasi, JHEK

En. Muhammad Haizuan Rozali
Timbalan Pendaftar HEP

En. Adenan B. Othman
Ketua Cawangan Bina Ummah, JHEK

Puan Syahirah Abdul Shukor
Pensyarah Fakulti Syariah dan Kehakiman

PENYELARAS

En. Mohd Asri Hj. Husain
Penolong Pendaftar Fakulti (FSK & FPQS)

EX-OFFICIO

En. Mohd Suhardi Azemi
YDP Jawatankuasa Kebajikan Siswa/Siswi Asrama (JAKSA)

PENGARAH

Abdul Basits Mohamed Mokhtar

JAWATANKUASA PELAKSANA

TIMBALAN PENGARAH 1
Hakimi Md. Said

TIMBALAN PENGARAH 2
Mohd Samir Sulaiman

SETIAUSAHA

Noriana Ahamad Sapari



TIMBALAN SETIAUSAHA

Alyanee Ahmad

BENDAHARI

Shahnizan Ishak

TIMBALAN BENDAHARI

Siti Halizarini Ali

AHLI JAWATANKUASA

TAJAAN

Mohd Shahril Fadzil
Khushazmi Kamarulzaman

PENYEDIAAN TEMPAT DAN PENYEDIAAN

Mohd Zaharuddin Zakaria
Fauzi Raman

PERHUBUNGAN AWAM DAN PUBLISITI

Lukmanul Hakim Hj. Hanafi
Ahmad Bukhari Sulaiman

TEKNIKAL DAN TUGAS-TUGAS KHAS

Suhaimi Wahab
Shahrul Hafiz Ramli

PENERBITAN DAN CENDERAMATA

Mohd Razim Fitry Suleiman
Hamidah Suhaimi

PROTOKOL DAN JEMPUTAN

Nik Shahril Irwan Mat Yusof
Nasariah Nawawi

JAMUAN

Mohd Adib Abdul Rashid
Raihan Jaafar

KOORDINATOR PROGRAM

Mohd Zaid Mat Yedin
Siti Aminah Abdul Razak

PENGANGKUTAN

Tajulariffin Hamzah
Siti Amizah Kamilan



Penghargaan

YB. Dato' Noh b. Omar
Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri

Y. Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusuf Mohd Noor
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti KUIM

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Rektor KUIM

Y. Bhg. Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir
Ketua Pengarah JHEK, Kementerian Penerangan Malaysia

Timbalan-timbalan Rektor KUIM

Dekan Fakulti Syariah Dan Kehakiman

Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIM

Yayasan ASNITA

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Biro Tata Negara

Pusat Belia Antarabangsa, Cheras

Pensyarah-pensyarah FSK

Ahli Jawatankuasa Kampus-1

Semua mahasiswa/i IPTA & IPTS peserta program

Serta semua yang terlibat secara langsung
atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.



MAHASISWA FAKULTI SYARIAH & KEHAKIMAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA